

7 MAR 1996

Mahathir-parti

MAHATHIR TEMUI KETUA PARTI KOMUNIS VIETNAM

HANOI, 7 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini berbincang dengan Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam (CPV) Do Muoi sebagai sebahagian daripada acara hari pertama lawatan kerja beliau ke sini.

"Kedua-dua pemimpin bertukar-tukar fikiran mengenai pengalaman memajukan negara masing-masing," kata Timbalan Ketua Setiausaha Datuk Halim Ali kepada pemberita selepas pertemuan itu di ibu pejabat CPV di Jalan Hoang Van Thu.

Muoi telah membuat lawatan rasmi ke Malaysia dalam tahun 1994.

Perdana Menteri juga mengunjungi Presiden Le Duc Anh di Istana Presiden. Dr Mahathir pernah menghinap di situ dalam lawatan rasminya ke negara ini pada 1992.

Pada pertemuan itu, Dr Mahathir berkata bahawa Vietnam telah mencapai kemajuan yang amat pesat lawatan beliau sebelum ini.

Anh, yang bercakap melalui seorang jurubahasa, berkata walaupun begitu kemajuan negaranya hendaklah dilihat dalam konteks negara yang masih baru hendak mengorak langkah ke arah kemajuan.

Para pemerhati berkata suasana mesra dalam perjumpaan Mahathir-Muoi itu memberi gambaran hasrat kedua-dua negara untuk mempertingkatkan lagi kerjasama antara mereka di peringkat parti pemerintah.

Sebelum itu, ketika bercakap kepada wartawan Malaysia Dr Mahathir berkata sudahpun terdapat kerjasama antara Malaysia dengan Parti Komunis China dan tidak ada sebab mengapa kerjasama yang serupa tidak boleh diadakan dengan CPV.

Dr Mahathir berkata perbezaan ideologi bukanlah penghalang kepada kerjasama di antara Malaysia dan Vietnam.

"Bukannya kita hendak mengambil ideologi mereka tetapi kita hanya hendak bekerjasama," kata beliau.

Esok Perdana Menteri dijadual merasmi cawangan Maybank di sini dan juga merasmikan pemecahan tanah zon memproses eksport (EPZ) Moi Bai, iaitu satu daripada enam yang terdapat di Vietnam.

Ia merupakan EPZ yang kedua di Vietnam yang dimajukan oleh syarikat Malaysia, Kinta Kellas. Yang lagi satu ialah di Danang yang dimajukan oleh konsortium Malaysia South-South Corporation.

Pada tengah hari Perdana Menteri dijadual merasmikan upacara penyempurnaan Hotel Sheraton Hanoi milik Faber dan menyaksikan upacara menandatangani tiga memorandum persefahaman di antara syarikat Vinabumi dengan Perbadanan Television Vietnam untuk pemasangan transmitter dan transponder satelit.-- BERNAMA

RN WAT MAI